

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

[GAMBAR HIASAN]



Pekebun kecil menerima kesan selepas pelaksanaan TPPA.

Strategi minimum kesan TPPA ke atas pekebun kecil

Kesan Perjanjian Perkongsi Trans-Pasifik (TPPA) ke atas sektor pertanian terutama kepada pekebun kecil, sering kali menjadi topik perbincangan utama dalam kalangan penggubal dasar dan ahli akademik. Terdapat dua pandangan berkenaan isu ini.

Pandangan pertama berpendapat liberalisasi perdagangan melalui TPPA akan mengalakkan pengkhususan dan kecekapan penggunaan faktor pengeluaran. Akibat daripada persaingan daripada negara anggota TPPA, ekonomi hanya akan menumpukan kepada sektor yang produktif dan cekap.

Ironinya, lebih baik kita mengimport beras dari Vietnam jika kos mengimport lebih murah berbanding kos pengeluaran di Malaysia.

Pandangan kedua berpegang kepada tanggapan bahawa TPPA hanya memberi manfaat kepada firma berskala besar terutama firma milikan asing. Pekebun kecil akan terkesan akibat daripada monopoli pasaran oleh firma berskala besar yang mempunyai rantaian nilai global mereka yang tersendiri.

Kedua-dua pandangan adalah relevan. Apa diperlukan adalah strategi yang meminimumkan impak ke atas pekebun kecil dan dalam masa sama mengalakkan kecekapan ekonomi.

Kajian Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia mendapati, wujud

Info

Kesan TPPA ke atas sektor pertanian

→ **Liberalisasi perdagangan melalui TPPA** akan mengalakkan pengkhususan dan kecekapan penggunaan faktor pengeluaran.

→ **Ekonomi** hanya akan menumpukan kepada sektor yang produktif dan cekap.

→ TPPA hanya **memberi manfaat kepada firma berskala besar** terutama firma milikan asing.

→ Pekebun kecil akan terkesan akibat daripada **monopoli pasaran oleh firma berskala besar**.

rantaian nilai yang lemah antara firma berskala besar dengan firma berskala kecil dan sederhana. Wujud kebergantungan yang tinggi antara firma berskala kecil dan sederhana kepada firma berskala besar dalam memperoleh bahan mentah.

Sebaliknya, firma berskala besar lebih bergantung kepada import dan firma berskala besar lain.

Perbaiki rantaian hubungan

Kesan limpahan liberalisasi perdagangan TPPA kepada pekebun kecil boleh dimaksimumkan dengan memperbaiki rantaian hubungan antara firma berskala kecil dan sederhana dengan firma berskala besar.

Terdapat beberapa pendekatan yang boleh dilakukan. Pertama, mengalakkan usaha sama antara syarikat berkaitan kerajaan dan pekebun kecil di dalam pengeluaran makanan.

Buat masa ini, syarikat berkaitan kerajaan hanya terbabit dalam pengeluaran komoditi pertanian. Kedua, mengalakkan penubuhan koperasi yang produktif dalam kalangan pekebun kecil seperti diamalkan di Belanda. Ketiga, mengadakan pembaharuan institusi agar dapat menyokong usaha permodenan pertanian.

Dr Mohd Yusof Saari
Institut Kajian Dasar
Pertanian dan Makanan,
Universiti Putra Malaysia